LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

LKIM

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI LKIM(B):S1/2025 – PELAWAAN SEMULA

Sebut Harga dipelawa secara terbuka kepada semua **PEGAWAI DAN KAKITANGAN LKIM** yang berminat untuk membeli kenderaan LKIM seperti berikut:

Nombor Pendaftaran Kenderaan	Tahun Dibuat	Lokasi Kenderaan
PROTON WAJA WNH 7907	**2005**	**PEJABAT LKIM NEGERI SELANGOR**

1. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** dengan memuat turun di portal rasmi LKIM https://www.lkim.gov.my mulai **18 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS).**

2. Kenderaan boleh dilihat pada 18 September 2025 hingga 1 Oktober 2025 pada hari bekerja di antara jam 10.00 pagi sehingga 4.00 petang. Sebarang pertanyaan boleh terus menghubungi **ENCIK MOHD RAUZI BIN ABDUL JALAL** atau **PUAN ERLINAWATY BINTI SHARIFUTDIN atas talian 03- 5521 6200/6226/6234**

3. Kos-kos pindah milik, pengangkutan dan lain- lain perlu ditanggung oleh penawar yang Berjaya.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda nombor Sebut Harga **LKIM(B):S1/2025 – PELAWAAN SEMULA** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat;-

   BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN
   LKIM NEGERI SELANGOR
   NO.15 PUSAT DAGANGAN SHAH ALAM
   PERSIARAN DAMAI, SEKSYEN 11
   40100 SHAH ALAM, SELANGOR.

5. Tarikh Tutup Sebut Harga pada **2 OKTOBER 2025 (KHAMIS)** jam **12.00 tengah hari**. Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(SITI HAWA DELAILA BINTI TUKIRAN)

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
NO. 15, PUSAT DAGANGAN SHAH ALAM,
PERSIARAN DAMAI, SEKSYEN 11,
40100 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.
MALAYSIA

LKIM

Tel : 603-5521 6200
Faks : 603-5521 6222
Laman Web : http//lkim.gov.my

Ruj.Kami : LKIM(B)406/909 JLD.31( )
Tarikh : 09 September 2025

Pegawai Dan Kakitangan LKIM

Tuan,

TAWARAN BAGI SEBUT HARGA PENJUALAN KENDERAAN RASMI LKIM NEGERI SELANGOR YANG DICADANG LUPUS, PROTON WAJA (WNH 7907) - LKIM(B):S1/2025 – PELAWAAN SEMULA

Adalah dimaklumkan perkara di atas adalah dirujuk.

Dengan hormatnya seperti perkara di atas dan memaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor bercadang untuk menjual satu unit kenderaan terpakai. Butiran seperti di lampiran:

SEBUT HARGA LKIM:S1/2025 – PELAWAAN SEMULA

No Pendaftaran	:	**WNH 7907**
Model/Tahun Di buat	:	**PROTON WAJA / 2005**
Tempat	:	**PEJABAT LKIM NEGERI SELANGOR**
Deposit	:	**5% daripada harga tawaran**
Harga Semasa	:	**Tiada harga lantai**

2. Tawaran adalah dipelawa kepada pegawai dan kakitangan LKIM yang berminat untuk membeli kenderaan tersebut. Dokumen pelawaan boleh diperolehi secara **percuma** dengan memuat turun di portal rasmi LKIM https://www.lkim.gov.my mulai **18 September 2025 (KHAMIS).**

3. Pegawai dan kakitangan yang berminat dan hendak melihat kenderaan tersebut dibenarkan pada hari bekerja dari pukul 10.00 pagi sehingga 4.00 petang boleh terus menghubungi **ENCIK MOHD RAUZI BIN ABDUL JALAL atau PUAN ERLINAWATY BINTI SHARIFUTDIN atas talian 03- 5521 6200/6226/6234.**

4. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi berserta deposit hendaklah di masukkan ke sampul surat bermeteri dengan **menulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Kewangan dan Akaun, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor, No.15 Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, SELANGOR. Dokumen yang lewat diterima selepas tarikh dan masa sebut harga ditutup adalah dikategorikan sebagai sebut harga lewat dan tidak akan dipertimbangkan.**

5. Tarikh tutup tawaran ialah pada **2 OKTOBER 2025 (KHAMIS) jam 12.00 tengah hari**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SITI HAWA DELAILA BINTI TUKIRAN)
Pengarah LKIM Negeri Selangor
b.p KETUA PENGARAH
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

s.k.

i. Ketua Seksyen Pentadbiran

ii. Ketua Kejuruteraan

LKIM

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

BORANG SEBUT HARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

Kepada:

Pengarah
LKIM Negeri Selangor
No.15 Pusat Dagangan Shah Alam
Persiaran Damai, Seksyen 11
40100 Shah Alam, SELANGOR Tarikh:

Tuan,

TAWARAN SEBUT HARGA BAGI PENJUALAN KENDERAAN RASMI LKIM NEGERI SELANGOR, PROTON WAJA (WNH 7907) LKIM(B):S1/2025 – PELAWAAN SEMULA

Merujuk perkara di atas, saya berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya adalah seperti berikut

Bil	Keterangan Aset	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)

Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran kenderaan di atas mengikut mana-mana yang terendah) yang bernilai RM.....(Ringgit Malaysia: .....)
dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank atas nama **KUMPULAN WANG MENGURUS LKIM NEGERI SELANGOR**.

3. Saya memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang di tetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____
Tarikh : _____
No. Telefon : _____

MUSTAHAK – LIHAT SYARAT-SYARAT AM

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususunya oleh penyebut harga. SILA PASTIKAN ANDA TELAH MEMBACA SERTA MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN.

1. **KEADAAN KENDERAAN**

Kenderaan adalah dijual sepertimana keadaan kenderaan berada sekarang *(as-is-where-is basic)*

SEMUA KENDERAAN ADALAH DIJUAL DALAM KEADAAN "SEADANYA" PASTIKAN ANDA MELIHAT KENDERAAN-KENDERAAN SEBELUM MEMBIDA.

2. **BUTIRAN KENDERAAN**

No Pendaftaran	:	**WNH 7907**
Model/Tahun Di buat	:	**PROTON WAJA / 2005**
Tempat	:	**LKIM NEGERI SELANGOR**
Deposit	:	**5% daripada harga tawaran**
Harga Semasa	:	**Tiada harga lantai**

3. **HARGA**

Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

4. **DEPOSIT**

Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit **sebut harga sebanyak 5%** daripada harga tawaran kenderaan di atas. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ bank draf atas nama **KUMPULAN WANG MENGURUS LKIM NEGERI SELANGOR.**

5. **KOS-KOS LAIN**

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menanggal *(dismantle),* mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebutharga sendiri.

6. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

7. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

a. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan **Sebut harga LKIM(B):S1/2025 – Pelawaan Semula** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang di tetapkan dalam Notis Sebut Harga.

b. Jika dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.

c. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **empat (4) minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

9. **TEMPOH MENGAMBIL KENDERAAN**

Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh **dua (2) minggu** setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah dianggap terbatal.